

Kastam rampas rokok putih RM211,200



Mardina menunjukkan rokok putih yang dirampas melalui pemeriksaan dengan menggunakan Unit Mesin pengimbas ke atas sebuah kontena di Pelabuhan Barat.

Kesemua rokok dikenakan tidak mempunyai label cukai dan tidak memenuhi kehendak piawai Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1998.

■ KASTHURI JEEVENDRAN DAN HASNIZA HUSSAIN

KLANG – Kastam Diraja Malaysia (KDRM) Selangor berjaya merampas 330 karton rokok putih (beedies) bernilai RM211,200 melalui pemeriksaan ke atas sebuah kontena dengan menggunakan unit mesin pengimbas di Pelabuhan Barat di sini kira-kira dua minggu lalu.

Rampasan itu merupakan yang terbesar oleh Kastam Selangor bagi tahun ini.

Dalam pemeriksaan yang dilakukan pegawai bertugas di unit mesin pengimbas, kira-kira jam 3.35 petang, analisis ke atas imej imbasan menunjukkan sesuatu yang meragukan dan pemeriksaan lanjut dibuat ke atas kontena berkenaan.

Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pencegahan, Datuk Mardina Alwi berkata, melalui pemeriksaan awal pengimport mengikrar barang dagangan itu sebagai 'hand made item' yang terdiri daripada 85 karton beg telefon bimbit, 245 karton 'wooden tea tray', 'wooden ashtray dan 'wooden coaster' dari Bangladesh.

"Bagaimanapun, setelah pemeriksaan lanjut dibuat di bahagian belakang kontena mendapati kotak-kotak yang terdapat di dalamnya mengandungi rokok putih jenis beedies.

"Selain itu, imej imbasan kon-

tena dikenakan adalah sekata dan seragam di mana kesemuanya terdiri daripada rokok dan bukannya barangan 'handmade item' seperti yang didakwa ejen penghantaran di dalam Borang Ikrar Kastam," ujarnya dalam sidang akhbar semalam.

Selain itu, tambah Mardina lagi kesemua rokok dikenakan tidak mempunyai label cukai dan tidak memenuhi kehendak piawai Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1998.

Ujar Mardina lagi, pihaknya yakin bahawa pengimport sengaja menggunakan modus operandi tersebut bagi mengelirukan pihak kastam.

"Pengimport telah melakukan kesalahan mengikut Seksyen 135 (1) (g) Akta Kastam 1967 (akta 325) iaitu percubaan untuk mengelak duti kastam dan barang larangan Kastam secara penipuan (fraud)," katanya.

Selain itu, tambah Mardina, pengimport juga akan didakwa di bawah seksyen 135 (i)(ii)(aa) Akta Kastam 1967, yang boleh dikenakan denda minimum sekurang-kurangnya 10 kali nilai barangan atau maksimum 20 kali nilai barangan atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya.

Sehubungan itu, seorang lelaki Melayu berumur 27 tahun yang bertindak sebagai ejen penghantaran sedang disiasat berhubung kes terbabit.

Mardina turut menyeru orang ramai memberi kerjasama kepada Kastam dengan menyalurkan sebarang maklumat berkaitan kegiatan penyeludupan barang kontraband seperti minuman keras, rokok dan sebagainya melalui talian bebas tol 1-800-8888-55.